

TAYANGAN PERCUMA PERLAWANAN AKHIR PIALA DUNIA FIFA QATAR 2022

PARA PEMIMPIN KERAJAAN NEGERI MENYEMARAKKAN SEMANGAT PIALA DUNIA BERSAMA-SAMA RAKYAT

IPOH, DISEMBESER 18, 2022 – Bersempena kemeriahkan Piala Dunia FIFA yang diadakan empat tahun sekali, Pejabat Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) menganjurkan satu program Tayangan Perlawanan Akhir Piala Dunia Qatar 2022, di Bulatan Sultan Azlan Shah, Bandar Meru Raya, malam ini.

Program tayangan ini dibuka secara percuma kepada orang ramai dan dihadiri oleh tetamu kehormat YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Haji Saarani Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Sandrea Ng shy Ching, ADUN Simpang Pulai, YB Cik Wong Chai Yi, Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP), YBhg. Datuk Redza Rafiq Bin Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan, Pegawai Daerah Kinta, Meor Hezbullah bin Meor Abd Malik serta ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan Negeri Perak yang lain.

Program ini dianjurkan bagi memeriahkan lagi “semangat Gila Bola” dengan para peminat bola sepak setempat berkumpul bersama-sama menyokong pasukan kegemaran mereka.

Juga, program ini merupakan platform bagi ahli-ahli DUN yang baharu untuk bersuai kenal dengan rakyat.

Program yang bermula jam 7.30 malam ini, dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti – aktiviti menarik yang disediakan untuk orang ramai di reruai-reruai pameran seperti cabutan bertuah, pertandingan kuiz, *penalty shooting*, Program World Cup Challenge MSN Perak serta kehadiran *busker*, *food truck* dan aktiviti jualan *car boot*.

